

Najib hadir perbicaraan kes 1MDB
di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

Kes 1MDB

'AS\$681j masuk akaun Najib hasil aktiviti haram'

Kaedah 'masuk dahulu, keluar dahulu' tentukan status dana

Kuala Lumpur: Pegawai penyiasat polis memberitahu Mahkamah Tinggi dalam perbicaraan 1MDB Datuk Seri Najib Razak dia mengklasifikasikan AS\$681 juta yang dimasukkan ke dalam akaun bekas Perdana Menteri itu pada 2013 sebagai hasil daripada aktiviti haram.

Berdasarkan siasatan, Foo Wei Min daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman

berkata, wang daripada bon AS\$3 bilion yang diperoleh 1MDB masuk ke akaun AmBank Najib di antara 22 Mac dan 10 April 2013.

Wei Min berkata, sebelum kiriman wang, akaun Najib mempunyai baki tertunggak RM879.8 juta yang menurut saksi itu ia daripada sumber yang sah.

Saksi memberitahu, dia menggunakan kaedah 'masuk dahulu, keluar dahulu' untuk membezakan dana daripada aktiviti haram daripada yang diperoleh menerusi sumber yang sah.

Najib hadapi 25 pertuduhan

Najib dibicarakan atas 25 pertuduhan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB berjumlah RM2.28 bilion yang dideposit dalam akaun AmBank miliknya di

antara Februari 2011 dan Disember 2014.

Semalam, Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib membayangkan pihak pendakwaan juga berhasrat memanggil seorang lagi pegawai penyiasat, Nur Aida Arifin, untuk memberi keterangan dalam perbicaraan.

Namun, beliau berkata, pasukan pembelaan belum melengkapkan pemeriksaan balas terhadap bekas Gabenor Bank Negara, Zeti Akhtar Aziz dan penganalisisnya, Adam Ariff Roslan.

Katanya, Nur Aida hanya akan memberi keterangan selepas Adam dan Zeti selesai memberi keterangan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung 24 Oktober. BERNAMA